

Tingkat kefahaman teknik penyembelihan



Para pelajar UNISSA yang sedang mengikuti latihan industri di BKMH diberi peluang menyertai kursus berkenaan.

Oleh Salawati Haji Yahya
Gambar serahan JHES

TUTONG, 14 JULAI - Dalam usaha meningkatkan pengetahuan, dan kefahaman mengenai penyembelihan dan teknik penyembelihan yang betul dan tepat berdasarkan hukum syarak, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) kelmarin, telah mengendalikan Kursus Penyembelihan.

Kursus yang diadakan di Pe-

jabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong itu menyasarkan 22 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai di BKMH, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Ia turut memberi peluang kepada pelajar dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang sedang menjalani latihan industri di BKMH.

Dengan pendedahan pengetahuan termasuk undang-undang yang berkaitan



Gambar ramai peserta kursus penyembelihan bersama pegawai JHES.

serta kemahiran yang ada, kursus berkenaan akan dapat membantu dan memperbaiki pelaksanaan tugas yang sedia ada khususnya semasa pengauditan rumah dan pusat penyembelihan dalam dan luar negara.